

ASPEK PROSODI DALAM BERBAHASA PENUTUR BUKAN MELAYU

Indirawati Zahid

Abstrak

Kajian ini membincangkan bagaimana aspek prosodi penutur Cina mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Melayu. Dalam kajian ini, sistem bunyi dan struktur kata bahasa Cina dikenal pasti dan dibandingkan dengan binaan suku kata bahasa Melayu. Bahasa Cina (dengan berfokus kepada Mandarin) merupakan bahasa nadaan yang pola nadanya membentuk sebahagian daripada struktur kata dan berfungsi sebagai faktor pembeza makna. Sebaliknya, bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai bahasa intonasi dengan maksud walau bagaimana sesuatu bunyi itu diartikulasikan, perbezaan makna dasar kata tersebut tidak akan berubah. Dalam kajian ini, bunyi awal dan akhir dalam bahasa Cina dipadansuaikan dengan binaan suku kata bahasa Melayu selain mengenal pasti realisasi fonetik fon-fonnya. Analisis dan perbandingan sistem bunyi dan struktur suku kata yang terdapat dalam bahasa Mandarin dengan bahasa Melayu dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual sebagai sumber primer komunikasi untuk menghasilkan representasi grafik nada yang kemudiannya dibandingkan dengan rujukan nada (Beijing) yang diperolehi daripada CD-ROM interaktif bahasa Mandarin yang dihasilkan di China. Kajian ini menunjukkan kadar korelasi dengan sistem dan struktur bahasa Cina dan Melayu. Oleh itu, kajian ini mencadangkan apabila terdapat persamaan dalam pengartikulasian bunyi untuk kedua-dua bahasa, proses pembelajaran akan lebih mudah.

Abstract

This study discusses how the prosody aspect of Chinese speakers affects their learning process of Malay language. In this study, the

sound system and word structure of Chinese language were identified and compared with the structure of Malay language word syllables. Chinese language (focusing on Mandarin) is a tonal language; its tone patterns form part of the word structure and function as a distinctive factor in differentiating the meaning of a word. On the other hand, the Malay language is classified as an intonation language which means that no matter how any particular sound was articulated, the literal meaning of the word stays the same. In this study, the initial and final sounds in the Chinese language were matched with the building of word syllables of Malay language as well as identifying the phonetic realization of its phones. This study analyzed and compared the sound systems and syllable structures in Mandarin and Malay languages using interviews as a primary source of normal conversations to generate graphical representations of intonation that were then compared with the reference intonation (as per Beijing) acquired from an interactive Mandarin CD-ROM produced in China. This study shows that the degree of hybridization correlates with the system and structure of Chinese and Malay languages. This, in turn, suggests that when there are similarities in the articulation of sounds for both languages, the learning process becomes easier.

PENDAHULUAN

Kacukan bahasa merupakan satu keadaan bagaimana seseorang penutur bahasa kedua mencampuradukkan sistem dan struktur yang terdapat dalam bahasa ibunda, iaitu *langue* dan *parolenya* ke dalam bahasa kedua yang dipelajari. Pernyataan ini secara langsungnya menjelaskan bahawa kacukan bahasa berlaku pada semua komponen dan peringkat dalam bahasa seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Dan kesemuanya ini berpunca daripada pengaruh pendidikan bahasa yang diperoleh sejak turun-temurun daripada ibu bapa, penjaga ataupun persekitaran bahasa mereka. Sungguhpun telah dinyatakan kacukan ini berlaku pada semua peringkat dalam bahasa, kadar kacukan yang berlaku ini berbeza antara satu komponen dengan komponen yang lain dalam bahasa. Dan daripada empat komponen yang dinyatakan, komponen semantik dapat dikatakan komponen yang agak “selamat” dari segi proses kacukan kerana kemungkinan makna yang digunakan itu “salah” akibat impak bahasa ibunda amat kecil kebarangkaliannya untuk berlaku. Berbanding dengan komponen fonologi pula, aspek ini terbuka kepada kacukan bahasa yang luas kerana dalam proses pembelajaran bahasa kedua, sistem fon dalam bahasa

seperti bunyi-bunyi vokal, konsonan, diftong dan sebagainya merupakan ciri-ciri artikulasi yang distingtif antara sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain. Aspek ini merupakan aspek asas yang perlu dikuasai terlebih dahulu, diikuti dengan morfologi seiring dengan semantik dan seterusnya dengan sintaksis. Ini selari dengan pernyataan Key, M.R. (1975:51) yang menyatakan bahawa pola intonasi dalam sesuatu bahasa merupakan elemen pertama yang dipelajari oleh seorang bayi dan merupakan elemen terakhir yang hilang apabila seseorang penutur itu mempelajari sesuatu bahasa kedua. Sehubungan dengan pernyataan ini, secara implisitnya, dapat ditafsirkan bahawa kacukan bahasa merupakan satu keadaan yang sememangnya diakui berlaku dalam proses pembelajaran bahasa kedua seseorang individu itu.

Kajian ini berfokus kepada aspek prosodi, iaitu prosodi fonologi yang membincangkan fenomena yang berlaku dan mengapa ia berlaku berdasarkan sistem dan struktur bahasa ibunda penutur bahasa Cina. Fenomena yang berlaku ini pernah dibincangkan oleh Lutfi Abas dalam artikelnya di dalam *Dewan Bahasa* keluaran bulan Mac 1974, di bawah tajuk “Plosif-plosif Bahasa Malaysia Dibandingkan dengan Plosif-plosif Bahasa Cina, Tamil dan Inggeris”. Dalam artikel ini, beliau membicarakan bunyi-bunyi plosif [b], [d] dan [g] yang tidak mampu dilafazkan, sebaliknya bunyi-bunyi ini masing-masingnya digantikan dengan [p], [t] dan [k], iaitu bunyi plosif bersuara kepada plosif tak bersuara. Menurut beliau juga, tiada bunyi [d] dan [g] dalam bahasa Cina.

Dengan lebih berfokus kepada aspek prosodi, penelitian ini dilakukan pada aras “permukaan” struktur dan sistem bunyi bahasa Cina yang sedemikian rupa, yang dapat disimpulkan sebagai faktor penyebab kepada wujudnya semacam aksen, khusus apabila orang Cina bercakap bahasa Melayu.


Dengan memetik pendahuluan dalam CD-ROM Multimedia Standard Chinese Course:

Bahasa Cina ialah bahasa nadaan dan nada digunakan untuk menunjukkan perbezaan makna daripada satu suku kata kepada suku kata lain.

Penyataan yang terkandung dalam bahagian pendahuluan CD ini jelas menerangkan fungsi nadaan dalam bahasa Cina, iaitu sebagai pembeza kepada makna katanya. Bahasa Cina merupakan bahasa nadaan¹ yang

1 *Tonal-tone language*. Bahasa yang pola nadanya membentuk sebahagian daripada struktur kata dan bukannya struktur ayat dan bersifat pembeza ayat.

mempunyai empat sistem nada² yang membezakan setiap makna katanya. Contoh yang paling lazim digunakan ialah kata “ma” yang apabila dilafazkan dengan empat nada yang berbeza akan juga menghasilkan empat makna yang berbeza, iaitu ibu (nada tinggi malar),³ jerami (nada menaik),⁴ kuda (rendah-jatuh-menaik)⁵ dan marah (tinggi-turun).⁶ Grafik lafaz kata ma⁷ ini dapat dilihat melalui grafik di bawah:



Grafik 1 Perbezaan nada kata “ma”.

- 2 Jika nada neutral hendak diambil kira sebagai nadaan juga, maka jumlah sistem nadanya akan menjadi lima (5). Walau bagaimanapun, lazimnya bahasa Cina dirujuk sebagai bahasa yang mempunyai 4 sistem nada, iaitu yang dirujuk sebagai membezakan makna. Juga dipanggil sebagai *lexical tone*.
- 3 *High level* atau nada pertama, nada tinggi malar.
- 4 *High rising* atau nada kedua, nada menaik.
- 5 *Low falling rising* atau nada ketiga, nada rendah-jatuh-menaik.
- 6 *High falling* atau nada keempat, tinggi turun.
- 7 Terima kasih kepada Dr. Wong Nyok Nyen, pensyarah di Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau merupakan pensyarah kursus bahasa Cina. Rakaman bunyi kata ini menggunakan suara beliau. Terima kasih juga kepada Amy Teoh Nuraina, pelajar tahun 4, SRJK (C) Taman Connaught, Cheras yang rakaman suaranya digunakan dalam kajian awal.

Bahasa Cina terbentuk dengan bunyi awal dan bunyi akhir, iaitu 21 bunyi awal dan 37 bunyi akhir.⁸ Kedua-dua bunyi ini bergabung untuk membentuk bunyi dasar bahasa Cina (<http://www.chinese-outpost.com/>).⁹

Kajian ini bersifat kebalikan daripada apa yang telah dilakukan oleh Sidharta¹⁰ pada tahun 1976 dengan memfokuskan sistem bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu dan bahasa Cina (Huayu). Kajian yang dilakukan ini menggunakan metodologi analisis kontrastif¹¹ (bezaan), iaitu menyenaraikan sistem bunyi vokal dan bunyi konsonan dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina. Hasil analisis ini diperlihatkan bunyi-bunyi yang ada dan tiada dalam kedua-dua sistem dan struktur bahasa tersebut. Dapatan daripada analisis yang dilakukan telah menjawab permasalahan mengapa pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua menghadapi masalah untuk melafazkan bunyi-bunyi yang tertentu dalam bahasa Cina. Kajian ini menunjukkan bahawa daerah artikulasi dan cara pelafazan sangat mempengaruhi lafaz sesuatu bunyi. Dan hasil perbezaan yang berlaku inilah menjadi punca beberapa bunyi yang gagal dilafazkan oleh pelajar Melayu yang sedang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

Kajian yang dilakukan ini berbeza dengan kajian oleh Sidharta yang lebih merincikan fon-fon, manakala kajian ini lebih meneliti korpus kajian kepada binaan struktur suku kata bahasa Melayu yang cuba dipadankan dengan binaan struktur suku kata bahasa Cina.

Dengan lebih berfokus kepada aspek prosodi, kajian ini dilakukan pada aras struktur dan sistem¹² bunyi bahasa Cina yang sedemikian rupa, yang dapat disimpulkan sebagai faktor penyebab kepada wujudnya semacam aksen khusus apabila orang Cina bercakap Melayu.

Aksen dan Dialek

Dalam bidang prosodi, aksen merujuk kepada cara pelafazan sesuatu bunyi. Aspek ini sangat berhubungan dengan asal keturunan (bangsa), geo-

8 Lihat lampiran yang disertakan.

9 *In speech. Chinese words are created using 21 beginning sounds called initials, and 37 ending sounds called finals. Initials and finals, of course, combine to create the basic sounds of Chinese.*

10 Kajian yang dilakukan berobjektifkan pedagogi. Iaitu pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua kepada pelajar yang bahasa ibundanya bahasa Melayu.

11 *Contrastive analysis.*

12 Rujuk Asmah Haji Omar, 2004. *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*, halaman 82. Struktur merupakan susun atur unsur sedangkan sistem merupakan unsur-unsur yang mengisi acuan-acuan yang terdapat dalam struktur.

grafi dan kumpulan sosial, misalnya di England seperti yang dikatakan oleh Laver, J., (1994:70):

Aksen masih erat dikaitkan dengan kelas sosial di England, dan biasanya menjadi indeks afiliasi kelas.

Sementara, *Longman Dictionary of Language Teaching & Applied Linguistics* (1993:1) memaparkan tiga entri kata ini dengan makna yang dirujuk dalam kajian ini ialah entri ketiganya yang bermaksud satu cara khusus dalam pertuturan yang memberikan sesuatu maklumat kepada pendengar tentang latar belakang seseorang penutur.

Berbeza dengan aksen, dialek ialah variasi dalam sesuatu bahasa yang mencakupi gabungan dalam bentuk dan makna kosa kata dan lingkungan pola gramatikalnya yang berkaitan dengan lokasi/geografi serta sosialnya. Pernyataan ini diperkukuh oleh Laver, J. (1994:55):

Dialek jelas berbeza dari segi perbezaan inventori dan pola morfologi, sintaksis, leksikal dan semantik. Dialek boleh diungkapkan dalam bentuk lisan atau tulisan.

Pernyataan di atas secara umumnya telah pun membezakan konsep dialek dengan aksen, iaitu yang pertamanya, melibatkan semua komponen dalam bahasa, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Sementara yang keduanya merujuk kepada cara pengartikulasian bunyi-bunyi bahasa. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini bahawa aksen sebenarnya terangkum juga di dalam dialek kerana semasa seseorang individu itu bercakap dalam sesuatu dialek, tidak dapat tidak aspek aksen ini juga sebenarnya wujud.

Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya membincangkan aspek aksen,¹³ iaitu cara lafaz sesuatu bunyi tanpa sama sekali mengaitkannya dengan konsep dialek yang memasukkan juga aspek aksen di dalamnya.

Bahasa Nadaan dan Bahasa Intonasi


Bahasa nadaan ataupun *tone language* merupakan bahasa yang pola nadanya membentuk sebahagian daripada struktur kata dan bersifat pem-

13 Rujuk Laver, J., (1994) halaman 69–71. *Accent is a rich source of inference for listener about the social attributes of the speaker (...). ... Accent is also taken to mark a range of social attributes other than merely that of geographical origin. ...*

beza makna.¹⁴ Antara bahasa yang terkategori dalam bahasa nadaan ialah bahasa Cina dan bahasa Thai. Sementara itu, bahasa intonasi ialah bahasa yang pola nada melodinya membentuk sebahagian daripada struktur ayat dan bukannya struktur kata (*Kamus Linguistik*, 1997:30). Bahasa Melayu merupakan bahasa yang terklasifikasi dalam bahasa intonasi. Definisi kedua-dua konsep ini memperlihatkan perbezaan antara penggunaan nada yang membezakan makna sesuatu kata dengan perbezaan nada yang membezakan makna emosi dalam sesuatu ujaran.


Intonasi

Intonasi merupakan subordinat kepada prosodi yang terdiri daripada fitur turun naik nada yang terhasil dalam sesuatu jenis ujaran yang mendukung makna emosi. Turun naik nada ini merupakan pergerakan kelangsingan yang terdiri daripada urutan nada-nada yang secara langsungnya akan mengiringi ujaran yang terlafaz dengan makna emosi yang tertentu. Kasus ini dapat digambarkan, misalnya dalam urutan nada bagi ujaran *'amboi cantiknya muka awak'* dengan makna emosi kekaguman dengan makna emosi sindiran yang ternyata berbeza urutan nadanya. Teliti grafik yang berikut yang memaparkan pergerakan kelangsingan dengan makna emosi kekaguman ialah %LHL LHLHL% sementara yang bermakna emosi sindiran ialah % LH HLH%.



Grafik 2 Makna emosi kagum.

14 Rujuk *Kamus Linguistik* (1997) halaman 32.



Grafik 3 Makna emosi sindiran.

Metodologi Kajian

Analisis yang dilakukan ini menggunakan beberapa kaedah seperti yang berikut:

- i. Temu bual dengan pensyarah bahasa Mandarin¹⁵ di Jabatan Pengajian Tionghua, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dan Ketua Jabatan Bahasa Melayu di Beijing Foreign Studies University (BFSU).¹⁶
- ii. Kepustakaan, iaitu dengan meneliti kajian awal yang telah dilakukan.
- iii. Eksperimental, iaitu dengan merakam data bunyi kata dalam bahasa Cina, lafaz bunyi empat nada divisualisasikan; dan
- iv. Perbandingan bunyi alamiah dengan data bunyi daripada CD-ROM.

Data Korpus

Selain menggunakan data yang sedia ada, iaitu data filem, yang diambil daripada dialog dalam filem *Buli* dan *Gerak Khas The Movie* sebagai data analisis, tambahan data alamiah menerusi perbualan dan CD-ROM interaktif juga dilakukan.

Objektif

Kajian ini mempunyai satu objektif, iaitu memperlihatkan dan memperdengarkan aksen penutur Cina bercakap Melayu.

¹⁵ Dr. Wong Nyok Nyuen.

¹⁶ Prof Madya Zhao Yue Zhen, profesor pelawat di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Hipotesis

Kajian ini mempunyai dua hipotesis, iaitu:

1. Kebiasaan bertutur dalam bahasa nadaan, satu karakter satu nada menyebabkan lafaz bunyi dalam bahasa Melayu akan terganggu.
2. Seandainya terdapat struktur suku kata dalam bahasa Melayu yang berpadanan dengan sistem dan struktur bahasa Cina sesuatu lafaz akan dapat dilafazkan dengan baik dan jelas.

Bahasa Cina dan Bahasa Melayu

Bahasa Cina merupakan bahasa nadaan yang mempunyai empat sistem nada yang membezakan setiap makna katanya. Contoh yang paling lazim digunakan ialah kata “ma” yang apabila dilafazkan dengan empat nada yang berbeza akan juga menghasilkan empat makna yang berbeza, iaitu ibu (nada tinggi malar), jerami (nada menaik), kuda (rendah-jatuh-menaik) dan marah (tinggi-turun).¹⁷

Berbanding dengan bahasa Melayu, kasus seperti ini tidak berlaku. Perubahan ke atas nada, tidak sama sekali mengubah makna yang sedang dirujuk. Misalnya jika kata yang sedang diucapkan itu ialah kata ‘*sayang*’, biar bagaimanapun dilafazkan kata tersebut seperti pemberian tekanan ke atas mana-mana suku katanya, kadar intensiti tekanan yang diberikan mahupun kadar temponya, makna yang dirujuk oleh kata ini tetap merupakan perkara yang sama, iaitu merujuk kepada perasaan. Yang berikut dikemukakan deretan lima kata *sayang*, ‘*sayang sayang sayang sayang sayang*’¹⁸ yang telah membina satu lafaz ujaran yang lengkap dari segi struktur dan maknanya ataupun diterima sebagai gramatis. Dalam contoh yang berikut, kata ‘*sayang*’ telah menggantikan pemberian nama kepada seseorang yang diberikan oleh ibu bapa. Dan seperti yang dinyatakan sebelum ini, jika berlaku sebarang tekanan dan kelangsingan tertentu semasa lafaz, ia hanya merupakan makna emosi yang mengiringi kata yang sedang dilafaz. Dalam contoh lafaz ujaran ini, deretan lima kata ini disegmenkan kepada dua kata yang pertama sebagai satu segmen, sementara *sayang* yang ketiga, keempat dan kelima, masing-masingnya sebagai satu segmen seperti yang berikut:


//*Sayang/sayang*’/ *sayang*// *sayang*// *sayang*//

17 Lihat grafik seperti yang terdapat pada halaman awal.

18 Terima kasih kepada En. Mohd. Faizal Md. Nor, rakaman ini menggunakan suara beliau.


- / = hentian lafaz sekejap atau tanda koma
- // = segmen maklumat atau satu unit nada

Segmen yang pertama merupakan panggilan kepada seseorang yang dipanggil sebagai *sayang*, segmen yang kedua, si penutur yang membahaskan dirinya juga dengan panggilan *sayang*, segmen ketiga merujuk kepada predikat si penutur yang mempunyai perasaan *sayang* dan segmen yang keempat merujuk kembali kepada orang yang dipanggil sebagai *sayang* tersebut. Lafaz ujaran dalam contoh ini juga boleh ditukarkan kepada makna ujaran tanya dengan memanipulasikan cara lafaz ujarannya. Kasus seperti ini dinamakan sebagai bahasa intonasi, iaitu bahasa yang pola nada melodinya membentuk sebahagian daripada struktur ayat dan bukan struktur kata. Grafik lafaz intonasi ujaran ini dapat dilihat pada grafik yang berikut:




Grafik 4 Ujaran lima deretan kata sayang.


Lihat pula grafik yang menunjukkan kata coklat yang dilafazkan dengan pelbagai intonasi dan membawa makna emosi yang berbeza.



Grafik 5 Nada hairan.



Grafik 6 Nada gembira.



Grafik 7 Nada sedih.

Pemaparan grafik ini telah memperlihatkan pola intonasi yang berbeza, iaitu merujuk kepada cara lafaz sesuatu ujaran yang sama sekali tidak mengubah makna asal/leksikal sesuatu kata. Sebaliknya, perbezaan pola intonasi ini memperlihatkan makna emosi yang berbeza oleh pelafaznya.

Fokus Analisis dan Prosedur Analisis

Bahasa Melayu mempunyai struktur suku kata yang binaannya terdiri sekurang-kurangnya daripada satu suku kata. Keadaan ini sama seperti yang terdapat dalam bahasa Cina. Justeru, analisis yang dilakukan telah mengenal pasti dan meneliti lafaz bunyi awal dan akhir bahasa Cina untuk dipadan suai dengan bunyi-bunyi suku kata dalam bahasa Melayu. Anali-

sis yang dilakukan ini berada pada aras suku kata bagi kedua-dua bahasa. Tujuan analisis ini dilakukan adalah untuk membandingkan bunyi-bunyi yang terdapat dalam kedua-dua bahasa.

Prosedur yang dilakukan adalah seperti yang berikut:

- i. Kesemua lafaz bunyi yang terdapat dalam CD-ROM didengar.¹⁹
- ii. Lafaz bunyi yang sama dan yang berbeza dipisahkan.
- iii. Padanan lafaz bunyi dengan binaan suku kata dalam bahasa Melayu.
- iv. Responden diminta melafazkan lafaz bunyi (fon) yang meragukan antaranya bunyi [b], [p], [d] dan [t].²⁰

Dapatan Analisis

Dapatan analisis dipecahkan kepada beberapa bahagian, seperti yang berikut:

- a. Cara lafaz. Beberapa bunyi awal yang dilafazkan sangat berbeza dengan sistem bunyi dalam bahasa Melayu adalah seperti yang berikut:
 - i. [b]²¹ dilafazkan sebagai bunyi [p].²²
 - ii. [p] dilafazkan tidak seperti bunyi [p] yang asli tetapi dilambangkan sebagai [p̣].²³
 - iii. [d]²⁴ dilafazkan sebagai [t].²⁵
 - iv. [t] dilafazkan tidak seperti bunyi [t] yang asli tetapi dilambangkan sebagai [ṭ].²⁶

Kasus seperti ini nampaknya menepati dapatan awal Lutfi Abas seperti yang dinyatakan pada bahagian awal perbincangan ini, iaitu bunyi-bunyi bersuara [b]²⁷ dan [d] digantikan dengan bunyi-bunyi tidak bersuara

19 Rasionalnya untuk membandingkan cara lafaz.

20 Bunyi-bunyi ini akan diperdengarkan untuk dinilai oleh para audiens. Bunyi diambil secara langsung daripada CD-ROM.

21 Letupan bibir bersuara.

22 Letupan dua bibir tak bersuara.

23 Alofon bunyi [p^h] yang kurang diaspirat.

24 Letupan gusi bersuara.

25 Letupan gusi tak bersuara.

26 Alofon bunyi [t^h] yang kurang diaspirat.

27 Jika berdasarkan temu bual yang dilakukan dengan Wong Nyok Nyen, bunyi-bunyi ini seharusnya tiada masalah untuk dilafazkan kerana dalam sistem dan struktur bunyi bahasa Cina, awalan kata dengan [b] sememangnya wujud. Dan berdasarkan data bunyi

[p] dan [t]. Fenomena seperti ini memungkinkan kesemua bunyi yang mempunyai awalan dengan bunyi-bunyi yang dinyatakan akan gagal dilafazkan dengan betul oleh penutur-penutur bahasa Cina. Kegagalan ini seterusnya akan juga menjejaskan gabungan bunyi akhir yang dipadankan. Sehubungan dengan itu, sekiranya kajian ini hanya melihat jadual sistem dan struktur bahasa Cina tanpa mendengar dan meneliti bagaimana lafaz bunyi yang sebenar, bunyi-bunyi yang tersenarai seperti dalam lampiran akan dianggap sebagai bunyi-bunyi yang juga hadir dalam bahasa Melayu. Tanggapan ini menjadi berbeza apabila lafaz bunyi diperdengarkan. Penemuan ini bertepatan dengan pernyataan oleh Sidharta (1976:46):

Ini dapat ditunjukkan walaupun fonem Huayu mempunyai padanannya dalam sistem fonemik bahasa Melayu, dan begitu juga sebaliknya, masih terdapat juga perbezaan di aras fonetik (realisasi) - ...

Kontradiksi dapatan kajian dan maklumat berlaku apabila temu bual dilakukan dengan Wong Nyok Nyen. Lutfi Abas dan dapatan kajian eksperimental ini telah membuktikan bahawa pelajar Cina mengalami kesukaran untuk menyebutkan bunyi [b] di awal, di tengah dan di akhir kata bahasa Melayu dan menggantikan bunyi ini dengan bunyi [p]. Sebaliknya pula, menurut pandangan Wong Nyok Nyen, bunyi-bunyi ini seharusnya tiada masalah untuk dilafazkan kerana dalam sistem dan struktur bunyi bahasa Mandarin, awalan kata dengan [b] sememangnya wujud. Malahan dalam data yang dijadikan analisis, watak lelaki Cina dalam filem *Buli* tersebut dapat melafazkan bunyi [b] dengan jelas. Sungguhpun begitu, beliau mengakui bunyi [b] pada akhir kata sememangnya sukar untuk dilafazkan kerana bunyi [b] di akhir kata tidak wujud dalam sistem dan struktur bahasa Mandarin. Begitu juga berdasarkan data analisis, bunyi [k] pada akhir suku kata dalam bahasa Melayu seakan-akan dihilangkan semasa lafaz kata “budak”. Bunyi [k] di akhir suku kata memperlihatkan kecenderungan untuk dihilangkan. Dan seperti kasus yang sama dalam bunyi [b], bunyi [k] tidak pernah wujud dalam sistem dan struktur bahasa Mandarin pada akhir kata. Hal yang sama juga berlaku dalam kasus bunyi [h] pada akhir suku kata yang juga tidak dilafazkan, sebaliknya partikel ---

dalam filem, ternyata bunyi ini mampu dilafazkan dengan baik. Pada pendapat penulis, mungkin perbezaan pendapat ini berlaku akibat latar belakang pendidikan, jika seseorang penutur mendapat pendidikan Melayu sedari awal, masalah ini pasti tidak akan timbul, berbanding dengan jika tidak mendapat pendidikan Melayu atau langsung tiada pernah bertutur dalam bahasa Melayu yang sempurna. Walau bagaimanapun perkara ini akan diabsahkan sekali lagi selepas persidangan ini dengan kajian yang lebih lanjut.

-kah dilafazkan sebagai [ka] sahaja. Begitu juga apabila [h] hadir di tengah kata seperti dalam kata "mahu", kata ini dilafazkan dengan "mau" sahaja. Begitu juga yang berlaku kepada bunyi [r] pada suku kata akhir yang tidak dapat direalisasikan, sebaliknya kata "dengar" ia dilafazkan sebagai [#dɛŋa#] sahaja. Lafaz bunyi yang sedemikian juga sebenarnya berlaku ke atas sebilangan penutur-penutur bahasa Melayu .

Selain kesukaran melafazkan bunyi [b], kesukaran lafaz juga berlaku apabila bunyi [b] digabungkan dengan beberapa bunyi yang sememangnya tidak wujud dalam sistem dan struktur bahasa Cina. Berdasarkan petikan dialog filem *Buli*, terdapat lafaz bunyi [bə] dalam kata "besar" dan "betul" yang dilafazkan masing-masingnya sebagai [#busat#] dan [#butul#]. Kecenderungan untuk bunyi ini dilafazkan sebegini rupa adalah kerana dalam bahasa Cina bunyi awal [b] hanya bergabung antaranya dengan bunyi akhir [ba], [bo], [bu], [bai], [bei] dan sebagainya tetapi tidak wujud [bə]. Begitu juga bagi bunyi [jə] dalam kata Jepun, kata ini dilafazkan sebagai [jiepun].

Sementara itu, dapatan kajian juga memperlihatkan gabungan bunyi awal dan akhir bahasa Cina yang dapat dipadankan dengan binaan suku kata awal dan suku kata akhir yang terdapat dalam bahasa Melayu. Persamaan bunyi-bunyi ini memperlihatkan kesamaan lafaz dan kualiti lafaz yang hampir sama sebagaimana contoh yang terdapat dalam Jadual 1²⁸ yang berikut:

Jadual 1 Contoh gabungan bunyi awal akhir bahasa Cina dengan binaan suku kata awal akhir bahasa Melayu.

Bahasa Cina						Bahasa Melayu ²⁹	
Bunyi Awal	Bunyi Akhir					Suku Kata Awal	Suku Kata Akhir
g	an	ang	en			[gan+tung] [gang +gu] [gən+tar] [gan+ti] [gan+ja] [gang+sa] [gan+dum]	[tə+gang][ga+gang] [tung+gang] [pə+gang]

28 Tidak kesemua bunyi dikeluarkan. Dan contoh-contoh yang diberikan dalam bahasa Melayu ini merupakan pengemukaan antara contoh kata binaan suku kata yang terdapat dalam bahasa Melayu. Contoh-contoh selain yang dikemukakan boleh sahaja digunakan.

29 Transkripsi fonetik yang disederhanakan dengan menuliskan [ŋ] sebagai ng sahaja.

sambungan **Jadual 1**

Bahasa Cina						Bahasa Melayu		
Bunyi Awal	Bunyi Akhir					Suku Kata Awal	Suku Kata Akhir	
h	an	ang				[han+tu] [hang] [han+cur]	[tu·han] [ta+han] [ba·han] [da+han]	
k		ang	en			[kang+kung] [kən+tal] [kang+sar]	[tu+kang] ³⁰ [kang+kang][long+kang]	
l	an	ang		eng	ong	[lan+tai] [long+kang] [lan+car] [lang+sai] [lan+dut] [long+kuas]	[hə·lang] [tu·lang] [tə·lan] [tə·long]	
m	an		en	eng	in	ing	semua imbuhan awalan meN- [mang+kuk] [məng+kal] [min+tu] [ming+gu]	[tə·man] ³¹ [ta·ming] [car+min]
n	an						[nan+ti] [nan+dung]	
p					in		[pin] [pin+tu][pin+tar] [pin·da]	
r					i	u	[ri+but][ru-mah][ri+bu] [ru+pa]	[ma·ri] [ti·ru][ba·ru]

b. Struktur dan sistem bunyi

Meneliti struktur dan sistem bunyi bahasa Cina, apa yang jelas terdapat beberapa perbezaan yang nyata antara bahasa Melayu dengan bahasa Cina.

- i. Kluster/gugus konsonan. Dalam bahasa Melayu, bentuk-bentuk ini tidak wujud dalam fonotaktik bahasa Melayu asli. Kluster-kluster yang ada dalam bahasa Melayu hari ini merupakan bentuk-ben-

30 Dalam sistem dan struktur bahasa Cina terdapat bunyi awal [h] yang digabungkan dengan bunyi akhir [e], yang dirujuk sebagai [ə] dan lafaz bunyi [hə] adalah sama seperti bunyi [hə] pada suku kata pertama kata *helang*. maka apa yang dapat dikatakan, penutur Cina tidak akan menghadapi masalah untuk melafazkan kata bunyi [hə+lang] seperti mana lafaz dalam bahasa Melayu.

31 Keadaan yang berbeza kerana bunyi awal [t] yang digabungkan dengan bunyi akhir [ə] tidak dilafazkan sama seperti bunyi suku kata pertama bagi kata *teman* dalam bahasa Melayu.

- tuk pinjaman daripada bahasa asing. Berbanding dengan bahasa Cina, bentuk kluster-kluster konsonan ini wujud, iaitu bunyi awal [zh],[ch] dan [sh].³²
- ii. Bunyi diftong,³³ berbanding dengan bahasa Melayu yang mempunyai tiga bunyi diftong [ai],[au] dan [oi], bahasa Cina mempunyai jumlah diftong yang lebih banyak dan triftong, antaranya [ai],[ei],[ao],[ou],[ai],[iao], [iou], [uai] dan sebagainya.³⁴
 - c. Aksen bahasa ibunda yang sangat ketara, bentuk perkataan tersebut mempunyai padanannya dalam bahasa Melayu. Secara auditori melalui CD-ROM interaktif yang dirujuk telah ditemui juga bentuk gabungan bunyi awal bunyi nasal [m] dan bunyi plosif [b] yang apabila digabungkan dengan bunyi diftong [ao], lafaz yang terhasil seakan sama lafaz bunyi bagi perkataan bahasa Melayu *mahu* dan *hau* yang lafaz aksennya sering kali dikesan apabila penutur Cina menyebutkan perkataan ini.
 - d. Nada neutral dalam bahasa Cina. Nada neutral ini³⁵ berlaku kepada tiga kasus, iaitu penanda kepada pemilikan, kata tanya dan penanda aspek verbal.³⁶ Sementara itu, Sidharta (1976:83) telah menghurai dengan rinci perubahan tinggi nada yang berlaku aki-

32 Lihat Lampiran A.

33 Bunyi diftong ialah percantuman dua bunyi vokal yang dikeluarkan dengan satu hembusan nafas sahaja. Rujuk Raja Mukhtaruddin Raja Mohd Dain, 1965. *Ilmu Fonetik dengan Latihan*. Halaman 49.

34 Lihat Lampiran A.

35 Lihat Lampiran B.

36 Perkara ini menjadi diskusi yang hangat semasa pembentangan kertas kerja di USM, Pulau Pinang. Contoh ayat tanya dalam bahasa Cina *ni hao ma?* (anda/awak apa khabar?) diutarakan dengan persoalan nada lafaz *ma* yang dikatakan sebagai mempunyai nada malar tinggi ataupun nada 1 jika mengikut aturan 4 sistem nada dalam bahasa Cina. Walaupun telah dinyatakan bahawa dalam ayat yang dikemukakan tersebut, kata *ma* yang dirujuk itu sebagai bernada neutral, perbincangan hangat tetap berlaku. Bagi menyelesaikan persoalan ini, penulis telah merujuk kepada pensyarah bahasa Mandarin di Universiti Malaya sekali lagi selepas pulang dari seminar anjuran USM tersebut untuk mendapatkan verifikasi. Rujukan juga telah dilakukan. Hasil daripada rujukan dan perbincangan yang telah dilakukan, lafaz *ma* dalam ayat *ni hao ma?* tersebut dikelompokkan sebagai bernada neutral kerana tidak membezakan makna. Kata ini hanya berfungsi sebagai partikel, iaitu golongan kata yang tidak pernah berubah, yang mempunyai fungsi ketatabahasaannya tetapi tidak mempunyai fungsi leksikal. Malahan melalui laman web Universiti Harvard yang menawarkan kursus bahasa Mandarin juga menjelaskan perkara ini. Petikan daripada www.courses.fas.harvard.edu *Neutral tone – short, no contour, always at the end; sound like the 4th tone.*

bat faktor bunyi yang mendahului nada neutral ini³⁷ berserta contoh ayat dalam bahasa Cina. Pernyataan beliau adalah seperti yang berikut:³⁸

The following rules govern the various realizations of the Neutral Tone:

- (i) *The pitch of the Neutral Tone is:*
 - half-low (2:) after 1st Tone³⁹
 - middle (3:) after 2nd Tone⁴⁰
 - half-high (4:) after 3rd Tone⁴¹
 - low (1:) after 4th Tone⁴²

Dapat disimpulkan di sini, kesemua kata dalam bahasa Melayu yang memiliki padanan dengan sistem dan struktur bahasa Cina (bunyi awal dan akhir) akan dapat dilafazkan dengan baik. Walau bagaimanapun, dapatan ini hanya merupakan dapatan yang sangat tentatif, data korpus yang lebih besar dan banyak perlu dikumpulkan dan ujian persepsi dengan penutur bahasa Melayu dan bahasa Cina yang tidak pernah mendapat pendidikan formal bahasa Melayu perlu dilakukan.

RUMUSAN

Aksen yang dirujuk sebagai cara mengartikulasikan sesuatu bunyi sering kali dipadankan dengan bunyi pelat apabila mendengar bangsa asing menuturkan bahasa Melayu. Konsep aksen ini hanya tersebar luas pengertian konsepnya di kalangan para linguist. Berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati terdapat beberapa lafaz bunyi yang gagal dilafazkan dengan sempurna akibat gangguan daripada sistem dan struktur bahasa ibunda. Kebanyakan bunyi yang didengar sebagai pelat ini sering kali merupakan penggantian lafaz bunyi yang paling hampir dengan bunyi yang sedia ada dalam bahasa ibunda penutur Cina. Pengguguran atau penghilangan beberapa bunyi yang berlaku dapat dikatakan sebagai implikasi daripada

37 *The Neutral Tone, like the four basic tones, is realized in various ways depending on the environment.*

38 Huraian yang lengkap boleh dirujuk dalam Sidharta (1976:83–84).

39 tā de = his

40 huáng de = yellow one

41 nī de = yours

42 dà de = big one

ketiadaan bunyi tersebut dalam sistem dan struktur bahasa ibunda si penutur. Dan ini menyebabkan bunyi-bunyi yang didengar itu sangat janggal pada telinga orang Melayu sehingga biar siapa pun orang yang melafazkan sesuatu lafaz dalam bahasa Melayu tanpa wajahnya dilihat dan dikenali sebelum ini, penutur natif Melayu yang peka dengan perbezaan bunyi ini dapat mengagak bahawa yang menuturkan sesuatu lafaz itu bukan Melayu malahan kadangkala dapat mengenal pasti bangsa orang yang menuturkannya.

Dapatan ini merupakan cerakinan yang dibuat kepada beberapa bahagian dalam sistem dan struktur bahasa Cina yang dipadankan dengan sistem dan struktur bahasa Melayu. Fokus tertumpu kepada bunyi-bunyi dan binaan suku kata.

Sehubungan dengan itu, dapatan analisis ini hanya merupakan dapatan yang belum sempurna. Sekadar lontaran sedikit dapatan yang masih bersifat tentatif. Kajian lanjut dengan data analisis yang lebih alamiah diperlukan untuk dapatan yang lebih berwibawa.

RUJUKAN

- Indirawati Zahid, 2003. “*Kajian Intonasi Fonetik Eksperimental: Realisasi Makna Emosi Filem Sembilu 1 dan 2*”. Tesis Ph.D, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Indirawati Zahid, 2005. “Kacukan Bahasa: Aspek Prosodi dalam Berbahasa Penutur Bukan Melayu”. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Kacukan dan Kacukan Bahasa, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 17 September 2005.
- Indirawati Zahid, 2005. “Kacukan Bahasa: Aspek Prosodi dalam Berbahasa Penutur Bukan Melayu (Lanjutan)” kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Linguistik ASEAN ke-3, Jakarta, Indonesia.
- <http://www.chinese-outpost.com/language/pronunciation/>
- <http://www.courses.fas.harvard.edu/~pinyin/pinyin2.htm> Harvard Chinese Language Program. Department of East Asian Languages & Civilizations. Harvard University.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Key, M.R., 1975. *Paralanguage and Kinesics (Nonverbal Communication)*. The Scarecrow Press, Inc. Metuchen, N.J.
- Laver, J., 1994. *Principles of Phonetics*. Cambridge: University Press
- Longman Dictionary of Language & Applied Linguistics*, 1993. Longman Group UK Limited.
- Lutfi Abas, 1974. “Plosif-plosif Bahasa Malaysia Dibandingkan dengan Plosif-

INDIRAWATI ZAHID

plosif Bahasa Cina, Tamil dan Inggeris” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 8:3, hlm. 120–126.

Multimedia Standard Chinese Course Beijing University Press.

Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain, 1965. *Ilmu Fonetik dengan Latihan*. Petaling Jaya: Agensi Penerbitan Nusantara.

Sidharta (Sie Ing D jiang), 1976. *The Consonantal and Vowel Systems of Malay and Huayu. A Contrastive Analysis*. Nanyang University of Singapore: Chinese Language Centre.

LAMPIRAN A

Initial and Finals: Table 1

These tables show you which pairings of initials and finals are possible and, by omission, which are not. The initial **b**, for instance, may be paired with **a**, but not with **e**, since **ba** is a sound in Mandarin Chinese, while **be** is not.

Table 1 Chinese initials (*left*) and finals **a** through **ong** (*top*).

	a	o	e	-i*	er	ai	ei	ao	ou	an	en	ang	eng	ong
b	ba	bo	bai	bei	bao	.	ban	ben	bang	beng	.
p	pa	po	pai	pei	poa	pou	pan	pen	pang	peng	.
m	ma	mo	me	.	..	mai	mei	mao	mou	man	men	mang	meng	.
f	fa	fo	fei	.	fou	fan	fen	fang	feng	..
d	da	.	de	.	..	dai	dei	dao	dou	dan	den	dang	deng	dong
t	ta	.	te	.	..	tai	.	tao	tou	tan	.	tang	teng	tong
n	na	.	ne	.	..	nai	nei	.	nou	nan	nen	nang	neng	nong
l	la	.	le	.	..	lai	lei	nao	lou	lan	.	lang	leng	long
z	za	.	ze	zi	.	zai	zei	zao	zou	zan	zen	zang	zeng	zong
c	ca	.	ce	ci	.	cai	.	cao	cou	can	cen	cang	ceng	cong
s	sa	.	se	si	.	sai	.	sao	sou	san	sen	sang	seng	song
zh	zha	.	zhe	zhi	.	zhai	zhei	zhao	zou	zan	zen	zhang	zheng	zhong
ch	cha	.	che	chi	.	chai	.	chao	chou	chan	chen	chang	cheng	chong
sh	sha	.	she	shi	.	shai	shei	shao	shou	shan	shen	shang	sheng	.
r	.	.	re	ri	.	.	.	rao	rou	ran	ren	rang	reng	rong
j
q
x
g	ga	.	ge	.	.	gai	gei	gao	gou	gan	gen	gang	geng	gong
k	ka	.	ke	.	.	kai	kei	kao	kou	kan	ken	kang	keng	kong
h	ha	.	he	.	.	hai	hei	hao	hou	han	hen	hang	heng	hong
.	a	o	e	.	er	ai	ei	ao	ou	an	en	ang	eng	.

NOTE

Note that the bottom row without initials signifies Chinese sounds consisting of finals only without preceding initial consonants.

* The final *-i* should not be confused with *i* appearing in Table 2. These two finals are pronounced differently and match with different initials.

Initial and Finals: Table 2**Table 2** Chinese initials (*left*) and finals *i* through *iong* (*top*).

	i	ia	iao	ie	iou	ian	in	iang	ing	iong
b	bi		biao	bie		bian	bin		bing	
p	pi		piao	pie		pian	pin		ping	
m	mi		miao	mie	miu	mian	min		ming	
f										
d	di		daio	die	diu	dian			ding	
t	ti		tiao	tie		tian			ting	
n	ni		niao	nie	niu	nian	nin	niang	ning	
l	li	lia	liao	lie	liu	lian	lin	liang	ling	
z										
c										
s										
zh										
sh										
ch										
r										
j	ji	jia	jiao	jie	jiu	jian	jin	jiang	jing	jiong
q	qi	qia	qiao	qie	qiu	qian	qin	qiang	qing	qiong
x	xi	xia	xiao	xie	xiu	xian	xin	xiang	xing	xiong
g										
k										
h										
.	yi	ya	yao	ye	you	yan	yin	yang	ying	yong

NOTE

Note that Table 2 finals, when not preceded by an initial, change the *i* to *y*.

*The final *i* should not be confused with *-i* appearing in Table 1. These two finals are pronounced differently and match with different initials.

Initial and Finals: Table 3**Table 3** Chinese initials (*left*) and finals *u* through *ueng* (*top*).

	u	ua	uo	uai	uei	uan	uen	uang	ueng
b	bu	•	•	•	•	•	•	•	•
p	pu								
m	mu								
f	fu								
d	du		duo		dui	duan	dun		
t	tu		tuo		tui	tuan	tun		
n	nu		nuo			nuan			
l	lu		luo			luan	lun		
z	zu		zuo		zui	zuan	zun		
c	cu		cuo		cui	cuan	cun		
s	su		suo		sui	suan	sun		
zh	zhu	zhua	zhuo	zhuai	zhui	zhuang	zhun	zhuang	
ch	chu	chua	chuo	chuai	chui	chuan	chun	chuang	
sh	shu	shua	shuo	shuai	shui	shuan	shun	shuang	
r	ru	rua	ruo		rui	ruan	run		
j									
q									
x									
g	gu	gua	guo	guai	gui	guan	gun	guang	
k	ku	kua	kuo	kuai	kui	kuan	kun	kuang	
h	hu	hua	huo	huai	hui	huan	hun	huang	
•	wu	wa	wo	wai	wai	wan	wen	wang	weng

NOTE

Note that Table 3 finals, when not preceded by an initial, change the **u** to **w**. Also, when the final **uen** takes an initial, the **e** is dropped.

Initial and Finals: Table 4

Table 4 Chinese initials (*left*) and finals *ü* through *ün* (*top*).

	ü	üe	üan	ün
b				
p				
m				
f				
d				
t				
n	nü	nüe		
l	lü	lüe		
z				
c				
s				
zh				
ch				
sh				
r				
j	ju	jue	juan	jun
q	qu	que	quan	qun
x	xu	zue	xuan	xun
g				
k				
h				
•	yu	yue	yuan	yun

NOTE

Note that Table 4 finals, when not preceded by an initial, change the **üe** to **y**, though the vowel sound does not change.

LAMPIRAN B

Particles & Modals

In addition to using adverbs, many of the linguistic operations which English performs by changing the form of the verb, or by using possessive pronouns, are accomplished in Chinese by adding a particle to the sentence. Particles typically occur in the neutral tone. The following examples introduce us to three different kinds of particles: structural, interrogative, and aspectual.

Indicate possession

One of the particles used most is 的(de). Added to a noun or pronoun, this structural particle performs the same function as the English possessive “apostrophe s” (‘s), or creates the equivalent of possessive pronouns, like his, her, their, and so on.

這是 <u>王</u> 先生的哥哥。 zhe shi <u>Wáng</u> xiān shēng <u>de</u> gē gē. This is Mr. <u>Wang</u> 's elder brother.
你的朋友很高。 Nǐ <u>de</u> péng yǒu hěn gāo. Your friend (<u>de</u>) very tall.
那個是 <u>昨天</u> 的早飯。 nei ge shi <u>zuó tiān</u> <u>de</u> zǎo fàn. That is <u>yesterday</u> 's breakfast.

Create a question

Adding the interrogative particle 嗎(ma) to the end of a declarative statement turns the sentence into a question.

Statement	Question with 嗎 (ma)
你是美國人。 nǐ shì měi guó rén. you are (an) American.	你是美國人嗎？ nǐ shì měi guó rén ma? Are you (an) American?
今天是星期五。 jīn tiān shì xīng qī wǔ. Today is Friday.	今天是星期五嗎？ jīn tiān shì xīng qī wǔ ma? Is today Friday?

Indicate Verbal Aspect

Here the particles are aspectual particles, which we looked at on the previous page. These often serve to communicate some subtle differences in meaning. A couple good examples to compare are 了(le) and 過(guò), as they both indicate that something happened in the past.

Let's stick with our "I go Beijing" example, 我去北京, and look at some contexts in which we might use 了(le) and 過(guò) to answer.